

# Tunku kota janji utama perpaduan

BH-28/5/2007

## Uma Sambanthan mampu mengingati dengan jelas ketika Union Jack diturunkan



Oleh Magendran Rajagopal

**S**ELEPAS majlis menurunkan bendera Union Jack menjelang detik 12 malam di Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka), Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj tidak dapat tidur sepanjang malam dan berlarutan sehingga ke upacara pengisytiharan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka, keesokan harinya.

Perkara ini diketahui oleh sepasang suami isteri apabila berkunjung ke kediaman Tunku pada waktu dinihari iaitu beberapa jam selepas peristiwa di Padang Kelab Selangor, dengan anggapan bahawa Bapa Kemerdekaan itu pasti sedang berehat.

"Apabila suami saya bertanya sama ada dapat tidur secukupnya, Tunku kata beliau tidak dapat tidur langsung selepas menyaksikan kemeriahan upacara menurunkan bendera Union Jack dan menghabiskan masa semalaman dengan bersembahyang dan memikirkan masa depan negara," kata Toh Puan Uma Sambanthan, 77, mengimbau peristiwa 50 tahun lalu.

Uma yang ketika itu berusia 27 tahun, adalah isteri salah seorang pengasas kemerdekaan negara, Tun V T Sambanthan yang juga pemimpin MIC merangkap Menteri Buruh pertama bagi negara yang baru merdeka.

Di ambang kemerdekaan itu turut menjadi bibit permulaan cinta pandang pertama antara dua insan ini. Kemudian selepas merdeka, Uma dan Sambanthan jarang berjumpa kerana suaminya sibuk dengan tugas mengisi erti kemerdekaan, dengan tugas berat dalam Kabinet Tunku.

"Tetapi saya pasrah kerana tugasnya menjanjikan masa depan lebih bermakna bagi rakyat," kata Uma. Sambanthan meninggal dunia pada 18 Mei 1979 iaitu tarikh yang amat dibenci Uma, sekali gus menggambarkan betapa mendalamnya cinta mereka berdua.

Namun, Uma amat menghormati Tunku yang mengotakan apa yang dikata dan mengutamakan perpaduan rakyat mengatasi segala-galanya. Tunku bertanggungjawab mengilhamkan pembinaan Stadium Merdeka bagi membolehkan orang ramai berkumpul untuk acara sukan.

"Tunku berpendapat mereka yang boleh bermain bersama tidak akan menyimpan perasaan dendam, sakit hati atau iri hati terhadap orang lain. Tunku mengasaskan

identiti bangsa Malaysia yang sebenar," katanya.

Bagi Uma, banyak peristiwa pahit dan manis menjadi kenangan terutama menjelang detik Tanah Melayu bebas daripada belenggu penjajah.

Katanya, apabila mendengar berita bahawa penjajah British akan meninggalkan negara ini pada pertengahan 1957, tiada siapa menangi pemergian mereka. Namun tidak pula wujud perasaan benci, malah pegawai tentera British dan Malaya yang melalui protokol peralihan kuasa itu melakukannya dengan penuh semangat.

Malah kata Uma, di kalangan ribuan rakyat Malaya yang berkumpul di Padang Kelab Selangor pada 30 Ogos 1957, diikuti detik pengisytiharan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka keesokan harinya, penjajah British tidak dilihat sebagai musuh apatah lagi membenci mereka.

"Pada masa itu, saya rasakan British perlu meninggalkan Malaya dan sudah sampai masanya rakyat negara ini berhak menentukan masa depan sendiri.

"Namun, rakyat pada masa itu rata-rata bertekad tidak mahu menyimpan dendam dan perasaan marah atau memusuhi British, malah jauh sekali melihat mereka sebagai seteru. Cuma kita berpuas hati bahawa sudah sampai masanya kita menjadi tuan di tanah sendiri.

"Bagi kami ketika itu, kemerdekaan adalah titik tolak menuju pembaharuan dan pembangunan negara selepas hampir 400 tahun dijajah. Episod getir sudah berakhir dan kini kita bebas memerintah negara sendiri," katanya dengan riak wajah penuh bangga mengimbau kenangan lalu.

Sebagai anak muda ketika itu, Uma rasa amat megah apabila mendengar *Negaraku* dimainkan buat kali pertama.

"Meremang bulu roma saya apabila men-

engar lagu kebangsaan berkumandang buat kali pertama. Acara simbolik itu amat mengguris perasaan dan terpahat dalam hati hingga sekarang. Ketika upacara kemerdekaan itu (di Padang Kelab Selangor), saya berdiri di belakang Tunku, Perdana Menteri pertama kita.

"Lidah masing-masing kelu. Saya tidak dapat menahan sebak apabila bendera Union Jack diturunkan. Puluhan tahun sudah berlalu tapi perasaan itu tetap terpahat dalam ingatan dan akan terus hidup dalam diri saya.

"Saya masih ingat lagi sari berwarna putih dengan corak warna merah pada kaki kain yang saya pakai. Ia memang kegemaran saya kerana dihadiahkan suami semasa pertunangan kami. Dia pula berpakaian seragam putih yang menjadi pakaian rasmi semua menteri pada malam itu," katanya.

Walaupun suasana berpesta menyelubungi semua yang berkumpul di padang terbabit, masih ada sedikit perasaan waswas kerana negara masih di bawah perintah darurat yang diisytiharkan pada 1948 berikutan ancaman anasir komunis.

"Apabila jam besar sampai detik 12 malam dan gema loceng semakin sayup, saya terkejut mendapati suasana terus hening walaupun lima minit sudah berlalu kerana sepatutnya Tunku sudah mula berucap dan saya tertanya-tanya sama ada berlaku sebarang musibah.

"Hanya selepas itu saya menyedari perjalanan Tunku tertangguh kerana orang ramai mengerumuni beliau. Saya menghela nafas lega dan upacara sambutan berjalan lancar selepas itu.

"Sebelum upacara rasmi sambutan kemerdekaan negara yang pertama, saya bersama suami bersiar-siar di Taman Tasik Perdana berhampiran rumah kami bagi me-

nyaksikan pertunjukan kebudayaan sempena merdeka," katanya.

Uma juga masih ingat keceriaan riak wajah orang ramai pada malam itu yang gembira dan penuh bangga dengan pencapaian kemerdekaan sambil menyifatkannya sebagai malam yang amat bermakna kepada ramai orang.

Selain itu, beliau turut menceritakan satu peristiwa bagaimana Tunku berjaya memujuk suaminya supaya bertukar kepada fesyen pakaian Barat daripada kelaziman memakai pakaian tradisi kaum India.

"Kebiasaannya, suami saya memang selesa memakai kemeja dan berseluar panjang apabila menemui orang ramai walaupun lebih menggemari pakaian tradisi bagi sebarang acara rasmi.

"Namun, ketika satu pertemuan yang dijadualkan antara pemimpin politik negara dan wakil British bagi membincangkan isu kemerdekaan negara, ada rencana akhbar *Malay Mail* ketika itu yang membicarakan sama ada Sambanthan akan memakai 'pakaian penjual kacang putih' ke perjumpaan terbabit.

"Suami saya amat marah dengan kenyataan itu dan berpendirian bahawa pakaian tradisi sesuatu kaum harus dihormati dan membuat ketetapan akan hanya memakai pakaian tradisi kaum India selepas itu, tidak kira apa upacara rasmi yang perlu dihadiri.

"Namun dalam salah satu lawatan Kabinet ke England bagi membincangkan tarikh kemerdekaan negara, Tunku berjaya membawa suami saya ke Simpson's Store di London dan membelikannya dua set pakaian Barat.

"Sekembalinya beliau ke tanah air, saya mendapat banyak panggilan menyatakan suami saya amat segak dengan pakaian barunya itu," katanya.

### PROFIL

#### Uma Sambanthan

**Tempat Lahir:** Bruas, Perak

**Pendidikan:** Anglo-Chinese School, Sungai Siput, Perak dan Universiti Madras, India

**Jawatan:** Pengerusi merangkap Pengarah National Land Finance Cooperative Society (NLFC) pada 1980 hingga 1995 dan Presiden NLFC (1995-1996)

**Kerja Amal:** Antara pengasas Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO); Menerima Pingat Emas Tun Fatimah pada 1992; Dianugerahkan keahlian seumur hidup NCWO; menjadi Presiden selama empat tahun dan anggota Associated Country Women of the World (ACWW)



POTRET KENANGAN: Uma menunjukkan gambar suaminya, Sambanthan bersama Tunku pada awal kemerdekaan negara.

AZAHAN ROSLI / BERITA HARIAN